

**Sumber dan Kefahaman Konsep 1Malaysia dalam Kalangan Remaja :
Satu Kajian Tinjauan**

Asmawati Desa
&
Fatimah Yussoff

ABSTRACT

1Malaysia concept was introduced by Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak on April 3, 2009 with the theme, "People First, Achievement Is Priority", 1Malaysia seen as an attempt to foster unity among the various races in Malaysia with 8 important values as the catalyst for social transformation that leads to the growth and well-being of people. This descriptive study was conducted to investigate the source and extent of the understanding of 1Malaysia concept among the three groups of primary school ($n = 100$), secondary school ($n = 100$) and university students ($n = 98$). Data were collected through a survey method with the use of a set of questionnaires and were then analysed with SPSS software. The results showed that the main source of this concept for all three groups of students is through television, followed by the newspaper. For the understanding of the concept, it was found that almost 70% of the respondents do understand some basic aspects related to it. However, there are still aspects which respondents still do not know about. Thus there is a need for the educators to play an important role to explain in detail to the students so that the concept can be understood and appreciated, and that it is not misinterpreted to cause negative impact on race relations in Malaysia.

Keyword: Sumber, kefahaman, 1Malaysia & remaja

PENGENALAN

Konsep 1Malaysia merupakan suatu konsep yang baru dilancarkan pada tahun 2009. Ia merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan seperti pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Rukun Negara, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara, dan seumpamanya agar sebarang konflik perkauman dapat dielakkan serta pencapaian dapat dipertingkatkan. Asas-asas yang ada dalam konsep 1Malaysia ini adalah untuk mencapai teras perpaduan antara kaum di Malaysia supaya cita-cita negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai negara yang berstatus maju tercapai dengan jayanya.

Di samping itu, ia diharap mampu untuk menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan persaudaraan untuk meneruskan agenda pembinaan sebuah negara-bangsa yang berjaya. Selain itu, konsep ini juga menekankan sikap penerimaan antara kaum di Malaysia agar semua pihak

saling hormat-menghormati antara satu sama lain dalam aspek budaya, bahasa, dan agama.

Konsep 1Malaysia boleh dikatakan menjadi suatu model untuk memperkasa perpaduan dan kesinambungan kepada pendekatan-pendekatan sebelum ini yang pernah dilaksanakan oleh pihak kerajaan (PPM, 2009). Hasil perpaduan yang dicapai akan dapat menjamin kestabilan, seterusnya mampu membawa negara ke arah kemajuan dan pencapaian yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara. Jadi, konsep ini boleh disamaartikan sebagai satu strategi atau formula untuk mencapai aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 (Jurij Jalaludin 1991).

Terdapat dua aspek utama yang perlu dilaksanakan agar konsep ini mencapai matlamatnya dengan baik. *Pertama*, penerapan teras-teras perpaduan; dan *kedua*, mengenai penerapan nilai-nilai aspirasi. Penerapan teras-teras perpaduan iaitu penerimaan, prisip-prinsip kenegaraan dan keadilan sosial perlulah dijadikan budaya dan praktis bagi semua golongan rakyat di Malaysia kerana ia merupakan komponen utama yang mampu menjadikan rakyat berbilang kaum di Malaysia dapat hidup bersatu padu. Di samping itu, teras ini haruslah diimplementasikan oleh nilai-nilai murni seperti saling hormat-menghormati antara satu sama lain, sabar, bersopan-santun, dan sebagainya yang sepaututnya menjadi amalan dan praktis rakyat di Malaysia. Aspek kedua, melalui penerapan nilai-nilai aspirasi pula, adalah perlunya ada masyarakat yang progresif dan dinamik yang akan memacu negara dalam usaha mencapai status negara maju. Nilai ini penting bagi mewujudkan semangat persaingan di peringkat global serta dapat meningkatkan mutu kerja seterusnya berjaya mengukuhkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Nilai utama konsep 1Malaysia

Di bawah konsep 1Malaysia, telah digariskan lapan nilai sebagai teras bagi mendukung matlamat iaitu Budaya Kecemerlangan, Ketabahan, Rendah Hati, Penerimaan, Kesetiaan, Meritokrasi, Integriti dan Pendidikan. Berikut dijelaskan maksud lapan nilai tersebut dengan lebih terperinci.

i) Budaya kecemerlangan

Mengamal budaya cemerlang akan membawa Malaysia ke tahap kejayaan serta pencapaian yang lebih tinggi. Kejayaan dan pencapaian masyarakat dan negara bergantung setakat mana budaya kecemerlangan diamalkan oleh rakyatnya. Budaya cemerlang perlu dilaksanakan secara berterusan dengan mementingkan prestasi sebagai pengukuran tahap pencapaian atau kemajuan.

ii) Ketabahan

Setiap perjuangan atau pelaksanaan kerja memerlukan ketabahan dan ketekunan. Perjuangan untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan negara amat memerlukan pemimpin dan rakyatnya tabah menghadapi segala rintangan dan dugaan. Rakyat Malaysia perlu tabah menghadapi dugaan dan cabaran untuk kejayaan diri dan Negara. Pengembangan semangat bekerja keras, dedikasi serta tabah menghadapi segala rintangan dan dugaan adalah ramuan yang terbaik mencapai sesuatu matlamat. Katabahan dalam menghadapi perubahan peribadi wajar dijadikan wadah bagi memperbetulkan kesilapan atau kegagalan perkara-perkara yang terdahulu.

iii) Rendah hati

Rasa rendah hati adalah satu sifat yang penting untuk dimiliki. Dalam Islam, rendah hati dikatakan Tawaduk'. Sifat merendah diri amat digalakkan dalam ajaran Islam begitu juga dengan budaya dan sifat masyarakat Melayu yang menghormati orang yang merendah diri. Merendah diri yang dimaksudkan tidak bererti kita tunduk atau mengalah dengan orang lain. Segala kemampuan dan kebolehan yang dimiliki tidak perlu ditunjuk dan dibanggakan dengan cara yang tidak digemari masyarakat. Masyarakat Malaysia amat menghormati serta menyukai sifat merendah diri tetapi mempunyai kekuatan dalaman dan pendirian yang teguh terhadap sesuatu prinsip. Sikap merendah diri ini perlu bersesuaian dengan masa, keadaan dan tempat di mana kita berada.

iv) Penerimaan

Penerimaan akan memperlihatkan perlakuan yang positif menerima sepenuhnya sesuatu perkara dengan hati yang ikhlas tanpa ada unsur-unsur terpaksa. Malaysia memerlukan rakyat yang dapat menerima apa jua perkara baik dan mendapat persetujuan secara bersama. Penerimaan semua kaum untuk mendapatkan yang terbaik amat diperlukan bagi membina sebuah negara bangsa. Perkara-perkara yang terbaik daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain perlu diterima pakai serta mendapat penerimaan daripada masyarakat negara ini.

v) Kesetiaan

Prinsip kesetiaan amat diperlukan dalam apa jua keadaan. Kesetiaan kepada Raja dan Negara adalah prinsip kedua Rukun Negara wajib dipegang erat oleh setiap rakyat negara ini tanpa berbelah bahagi. Semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Kesetiaan perlu disertai dengan keupayaan melaksanakan tugas dengan cemerlang. Nilai atau

ganjaran kepada kesetiaan perlu berasaskan kepada keupayaan, pencapaian dan kemajuan yang dilaksanakan dalam setiap perhubungan.

vi) Meritokrasi

Meritokrasi merupakan satu hala tuju yang perlu diamalkan dalam negara demokrasi bagi memastikan mereka yang layak dan memenuhi kriteria diberi peluang untuk memacu pembangunan negara. Meritokrasi menekankan persaingan secara terbuka berasaskan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan sesiapa yang berjaya memenuhi kriteria-kriteria tersebut berhak dipilih. Dalam melaksanakan prinsip meritokrasi, pemilihan berasaskan prestasi dan budaya cemerlang akan memaksimumkan potensi Malaysia dalam semua bidang.

vii) Pendidikan

Pendidikan dan pengetahuan adalah prasyarat penting untuk mana-mana negara mencapai kejayaan. Kekuatan dan ketahanan adalah berasaskan kepada masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan mengatasi kekuatan ketenteraan. Negara perlu memiliki masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan pengetahuan dari segala-galanya.

viii) Integriti

Adalah penting bagi sesebuah kerajaan untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat. Kepercayaan dan keyakinan diperoleh melalui nilai-nilai integriti. Nilai ini perlu diamalkan oleh semua pihak daripada pemimpin sehingga semua peringkat tanpa mengira kedudukan. Bersikap jujur terhadap sesuatu tindakan dan percakapan. Bercakap benar walaupun perkara yang disampaikan itu pahit dan sukar diterima. Berusaha memperbaiki kesilapan.

Pemahaman konsep 1Malaysia

Pemahaman konsep 1Malaysia oleh seluruh masyarakat juga merupakan satu cabaran utama dalam perlaksanaan konsep ini. Secara realitinya, pemahaman dan pandangan terhadap konsep 1Malaysia adalah berbeza mengikut kaum. Bagi orang Melayu sebagai pribumi Malaysia, mereka menerima 1Malaysia dengan dada terbuka dan mahukan hak istimewa mereka terbelia. Sedangkan bagi orang bukan Melayu pula, 1Malaysia bermakna semua warganegara hidup bersama, menikmati hak yang setara, adil dan saksama (Aizat Khairi 2011).

Terdapat pandangan daripada pihak tertentu yang menyamakan 1Malaysia dengan konsep Malaysian Malaysia dan 1 Malaysia dengan 1Israel. Justeru, pemahaman terhadap konsep 1Malaysia harus disebarluas dan diperjelaskan secara terperinci ke segenap lapisan rakyat supaya ia tidak

disalahtafsir hingga mendatangkan kesan negatif hubungan kaum di Malaysia.

Selain daripada itu mungkin berlaku salahtafsir, manipulasi dan mensensasi konsep 1 Malaysia. Banyak pihak menjalankan program yang dikatakan mempunyai kaitan dengan konsep 1Malaysia. Malah ada pihak yang cuba untuk memanipulasikan serta mensensaikan konsep ini dengan pelbagai tujuan. Sama ada ke arah positif mahupun negatif. Ini merupakan cabaran dalam memahami dan melaksanakan konsep ini.

Terdapat juga pihak yang membuat tafsiran sendiri bahawa 1Malaysia ini tidak memberi manfaat kepada orang Melayu dan bersikap apologetik kepada kaum lain (Majalah Milenia Jun 2009). Konsep ini dikatakan meminggir perjuangan untuk membela nasib orang Melayu. Tak kurang juga ada suara-suara yang mengatakan 1Malaysia menyamai konsep “Malaysian Malaysia” yang diperjuangkan oleh Lee Kuan Yew iaitu berkaitan dengan persamaan hak untuk semua kaum dan tiada satu kaum pun yang berhak mendakwa diri mereka asli daripada kaum-kaum yang lain.

Tegasnya, bagi menangani cabaran ini, rakyat harus bijak dalam menginterpretasi dan memahami akan apa sebenarnya 1Malaysia. Sebagai contoh, fahaman bahawa 1Malaysia menyamai dengan konsep “Malaysian Malaysia” harus diperbetulkan semula. 1Malaysia adalah gagasan bagi mengharmonikan rakyat pelbagai kaum di negara ini tanpa mengubah identiti kaum-kaum tersebut. Konsep “Malaysian Malaysia” pula adalah satu dasar yang mahu menggagalkan terus atas binaan kemasyarakatan yang wujud itu. Keadilan yang dicanangkan dalam konsep Malaysian Malaysia diambil secara membata tuli dengan mengambil konsep kesamarataan versi total.

Selain itu, konsep 1Malaysia bertujuan menjaga kepentingan semua kaum, konsep 1Malaysia juga menekankan soal integrasi dan pewujudan bangsa Malaysia. Berbeza dengan “Malaysian Malaysia” yang hanya terbatas kepada kesamarataan hak tanpa mengambil kira realiti dan sejarah negara Malaysia.

Cabar

Mengenai konsep 1Malaysia ini sudah jelas akan intipati dan matlamat penubuhannya, namun jika konsep ini tidak diberi perhatian dan tidak ada niat untuk mengetahui, semestinya konsep ini sia-sia belaka. Oleh yang demikian, masalah yang perlu dikaji dan diberi perhatian di sini ialah dengan melihat bagaimana untuk menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran yang timbul dalam usaha untuk memperkasakan pelaksanaan konsep 1Malaysia (Ahmad Fawzi Mohd. Basri 1987). Konsep ini adalah untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama, dan budaya, serta tidak mengenal umur, jantina, taraf kehidupan, dan sebagainya. Jadi cabarannya adalah bagaimana untuk menyebarkan konsep 1Malaysia kepada seluruh rakyat Malaysia agar konsep ini dikenali. Hal ini penting

kerana terdapat segelintir anggota masyarakat yang tidak tahu langsung mengenai konsep yang dilancarkan ini dan jika tidak tahu, masakan konsep ini hendak difahami dan dipraktiskan?

Kerajaan telah berusaha untuk menyampaikan informasi dan maklumat berkaitan dengan konsep 1Malaysia, seperti menubuhkan laman sesawang 1Malaysia yang mengandungi intipati dan informasi berkaitan, laman blog Perdana Menteri, pertandingan mencipta lagu 1Malaysia, pertandingan melukis poster bagi pelajar IPTA dan seumpama. Kerajaan juga telah membelanjakan banyak wang untuk menyediakan hadiah kepada pemenang, iklan di televisyen dan surat khabar serta di papan iklan, kempen dan juga seminar. Namun, ianya belum tentu mencapai matlamat untuk menarik perhatian masyarakat keseluruhannya. Usaha kerajaan ini juga tidak jelas dalam mencari golongan sasaran utama dalam mempromosikan konsep ini agar sasaran utama akan mempengaruhi kelompok-kelompok masyarakat yang lain. Di samping itu, tindakan kerajaan dalam menggunakan arus media elektronik dan media massa dilihat tidak efektif dan efisyen kerana walaupun maklumat dan informasi berjaya disebarluaskan, namun ia hanya akan mendatangkan kesan positif jangka pendek sahaja dan ini akan menyukarkan pengetahuan serta pemahaman mengenai konsep 1Malaysia dicapai (Aizat Khairi 2011).

Usaha kerajaan dalam melaksanakan konsep 1Malaysia sememangnya merupakan suatu inisiatif yang baik, namun boleh dikatakan strategi dan pelan tindakan tidak begitu memuaskan. Mengenai usaha untuk mendidik dan menyemai perasaan kekitaan melalui konsep 1Malaysia bukannya mudah. Ia memerlukan perancangan yang rapi dan memakan masa yang lama. Hal ini kerana bukan mudah untuk mendidik masyarakat menuju ke arah perpaduan dan mempunyai nilai-nilai murni. Ini disebabkan golongan masyarakat adalah manusia yang mempunyai akal fikiran yang berlainan, dan juga mempunyai hati dan perasaan.

Sebuah pemahaman yang jelas tentang usaha dan inisiatif yang dilakukan untuk perpaduan sebelum ini dan agar konsep 1Malaysia yang diketengahkan ini mampu membawa keunikan tersendiri (Rita Sim 2010). Misalnya dalam satu tinjauan yang dijalankan oleh Merdeka Centre for Opinion Research sempena 100 hari pentadbiran PM, 76% daripada orang awam yang dikaji mempunyai kesedaran tentang konsep 1 Malaysia. Manakala 23% bersetuju bahawa konsep tersebut menghasilkan kesatuan antara pelbagai bangsa dan 18% menyatakan bahawa ia adalah berkaitan dengan kesamaan dan keadilan di kalangan bangsa. Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia secara umumnya masih belum jelas tentang konsep 1Malaysia dan boleh diumpamakan dengan “lima orang buta dengan seekor gajah” (Hasnul Mohamad Salleh 2010).

Oleh itu kajian ini cuba mengupas aspek yang sama di kalangan tiga golongan remaja, iaitu pelajar sekolah rendah, menengah dan IPT. Selain daripada kefahaman tentang konsep tersebut kajian ini juga ingin mengenalpasti sumber pengetahuan yang diperoleh mengenai konsep ini.

KAEDAH KAJIAN

Kajian tinjauan telah dijalankan melalui satu set soal selidik yang mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai latar belakang responden dan sumber yang mana konsep ini diperoleh, diikuti dengan bahagian kedua tentang kefahtaman. Kefahaman subjek diukur dengan mengira item yang dijawab betul oleh mereka. Responden adalah terdiri daripada tiga golongan pelajar iaitu sekolah rendah ($n=100$), sekolah menengah ($n=100$) dan IPT ($n=98$). Data kemudian dianalisis dengan perisian SPSS. Analisis adalah dalam bentuk deskriptif.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan menunjukkan bahawa sumber utama mengenai konsep ini bagi ketiga-tiga golongan pelajar adalah melalui TV diikuti dengan suratkhabar. Bagi aspek pemahaman tentang konsep didapati kebanyakan daripada responden yang dikaji memahami tentang beberapa perkara asas yang berkaitan dengan konsep 1Malaysia, seperti makna, matlamat, nilai dan prinsip-prinsip utama. Keputusan terperinci adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan pelajar yang menjawab betul tentang perkara-perkara asas berkaitan konsep 1 Malaysia

Item /Golongan pelajar	Sekolah rendah/ora	Sekolah menengah/ora	IPT/ora	Jumlah %
	ng	ng	ng	
i. Makna konsep Satu Malaysia	66	78	77	74.2
ii. Matlamat konsep Satu Malaysia	85	69	74	76.5
iii. Nilai-nilai dalam konsep 1 Malaysia	14	33	7	18.1
iv. Prinsip-prinsip utama 1 Malaysia	73	76	75	75.2
v. Slogan YAB Perdana Menteri	69	77	84	77.2

Namun begitu masih ada aspek yang mana masih ramai responden yang tidak mengetahui tentangnya. Contohnya adalah tentang soalan ketiga iaitu bilangan nilai yang terdapat dalam konsep 1Malaysia yang mana majoriti responden memilih jawapan yang salah (hanya 18.1% sahaja yang menjawab betul).

Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan konsep ini melalui media massa tidaklah sia-sia begitu sahaja kerana sebilangan besar pelajar telah memperoleh pengetahuan tentang konsep tersebut melalui TV dan surat khabar. Oleh itu inisiatif tersebut patut diteruskan agar konsep ini dapat disebar luas kepada setiap golongan pelajar.

Namun begitu kerana masih terdapat beberapa perkara yang mana pelajar masih belum mempunyai pengetahuan yang betul, maka langkah-langkah patut diambil untuk memberi mereka pengetahuan (*to educate*) dan juga kesedaran (*awareness*) tentang konsep tersebut. Usaha-usaha ini perlu dilaksanakan kerana kita tidak mahu insiden “lima orang buta dengan seekor gajah” berlaku (Hasnul Mohamad Salleh 2010).

Kefahaman golongan pelajar harus diperbetulkan daripada sekarang kerana mereka lah golongan yang akan merealisasikan konsep ini di masa akan datang. Jika mereka sendiri masih samar-samar tentang perkara-perkara asas dalam konsep ini bagaimana mereka akan melaksanakannya? Selain daripada itu kepelbagaian etnik di Malaysia menuntut rakyatnya bersatu padu. Justeru itu kefahaman konsep ini terhadap seluruh ahli masyarakat adalah perlu supaya matlamat yang ingin dicapai berjaya diperoleh. Kajian ini hanya melibatkan sejumlah kecil masyarakat iaitu golongan pelajar, namun hasil kajian membuktikan bahawa maklumat yang disampaikan itu sebahagian besarnya dapat difahami oleh mereka.

Kita cuba untuk melihat secara positif tentang konsep ini terutamanya dalam mengukuhkan lagi perpaduan kaum iaitu semua individu hidup saling hormat menghormati, menghargai, memahami, bersabar dan bertoleransi kepada orang lain yang berbeza dari mereka. Oleh yang demikian, sebelum negara mencapai kemajuan, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini perlu dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar. Keperluan segera sekarang adalah pengungkapan dan pemahaman 1Malaysia secara lebih lengkap agar ia dapat difahami dan dihayati dengan lebih baik, disebarluaskan secara lebih meluas agar segala dasar, strategi dan pelan tindakan dilakukan secara holistik, sistematik dan praktikal (Abdul Rahman Embong 2009).

KESIMPULAN

Konsep 1Malaysia perlu diperjelaskan dari masa ke semasa agar tidak berlaku salah tafsiran. Selain daripada itu konsep ini perlu diterangkan

dengan baik agar aspek positif yang dibawanya dapat dimanfaatkan. Golongan pelajar adalah tergolong dalam kumpulan pelaksana yang akan menjayakan matlamat 1Malaysia. Mereka adalah aset bernilai negara. Di tangan mereka kelak negara ini akan ditentukan nasibnya. Justeru, dengan memahami konsep ini dengan jelas akan dapat menerbitkan azam yang kuat di hati mereka untuk melaksanakan dan merealisasikannya nanti.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakam ucapan penghargaan kepada Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) atas sumbangan dana bagi menjalankan kajian.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong, (2009). Seminar Kebangsaan Gagasan Satu Malaysia: Kesinambungan Satu Perjuangan.
- Aizat Khairi. (2011). Konsep 1Malaysia dan Cabaran Pelaksanaannya ke Arah Pemantapan Perpaduan sebuah Negara-Bangsa. *SOSIOHUMANIKA*, 4(1): 129-140
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. (1987). *Isu-isu Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Penerbit Seasons.
- Hasnul Mohamad Salleh. (2010). 1Malaysia - Concept and Values. Dlm *1Malaysia website*
- Jurij Jalaludin. (1991). *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn .Bhd.
- Majalah Milenia Jun 2009
- Rita Sim. (2010). *What it Takes to Make 1Malaysia a Success*. Putra Jaya, Malaysia: PPM [Pejabat Perdana Menteri].

Ψ JURNAL PSIKOLOGI

MALAYSIA

Bilangan/Number 28 (1)

ISSN 2289-8174

2014

Asmawati Desa & Fatimah Yussoff

Sumber dan Kefahaman Konsep 1 Malaysia dalam kalangan Remaja: Satu
Kajian Tinjauan

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Fauziah Mohd Saad, Abdul

Malek Abdul Rahman, Syed Sofian Syed Salim, Mohammad Nasir

Bistaman & Muhammad Bazlan Mustafa

Analisis Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Skala
Konsep Kendiri Multi Dimensi (SKMM)

**Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md. Shariff, Siti
Nur-Farliza, Azizah Othman, Khaidzir Hj. Ismail & Geshina Ayu Mat
Saat**

Personality Traits as Predictors of Low-Self Control, Aggression and Self-
Serving Cognitive Disorder: A Study among Malaysian Male Murderers

Jin Kuan Kok & Wai Yoong Lai

Attending to Metaphor in Adolescence Depression

**Nor Hernamawarni Abdul Majid, Nor Shafrin Ahmad & Rahimi Che
Aman**

Kesan Kelompok Gabungan *Brief* Fokus Penyelesaian dan Teori Kognitif
Tingkah Laku terhadap Kebimbangan Komunikasi

Muhammad Salim Hossain & Mollika Roy

Fine Motor Skills and Accident Proneness of Garments Workers in
Bangladesh



Jurnal Psikologi Malaysia
(*Journal of Malaysian Psychology*)



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

Halim M. Abdullah, Rozainee Khairudin & Fatimah wati Halim
Pengaruh Kepimpinan LMX terhadap Tingkah Laku Kewarganegaraan
Keselamatan dalam Kalangan Bukan Eksekutif